

Peraturan baru AS, Kanada tidak adil

Oleh Misliah Talib

30 SEP 2002
SUBANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan peraturan baru imigresen yang dikuatkuasakan Amerika Syarikat (AS) dan Kanada terhadap negara Islam termasuk Malaysia, sebagai tidak adil dan berunsur diskriminasi.

"Tentulah saya rasa ia tidak adil. Bagaimana saya boleh kata ia adil," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar sekembalinya daripada menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) keempat di Copenhagen, Denmark serta lawatan peribadi ke Eropah, hari ini.

Penjelasan Kedutaan AS - Muka 2

Beliau diminta mengulas keputusan AS untuk mendaftar dan mengawasi rakyat asing yang pernah melawat Malaysia dan Indonesia di setiap laluan masuk ke negara itu mulai 1 Oktober depan.

Tindakan itu diluluskan mengikut keterangan di halaman tiga memo terbaru Jabatan Kehakiman yang diperoleh *Berita Harian* Khamis lalu. Memo itu memetik pegawai perisikan AS sebagai berkata bahawa bukti semakin banyak menunjukkan pelampau Islam di Malaysia dan Indonesia mengancam AS.

Kanada pula mulai Rabu lalu mengumumkan peraturan visa bagi rakyat Malaysia yang ingin memasuki negara itu.

Ottawa yang menerima tekanan AS supaya mengetatkan lagi keselamatannya berikutan serangan 11 September, sebelum ini mengenakan syarat serupa kepada pelawat dari Arab Saudi.

Ditanya apakah tindakan itu menandakan AS dan Kanada tidak mengiktiraf usaha Malaysia selama ini dalam memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata:

"Kita tidak melakukan sesuatu untuk orang lain hargai atau iktiraf. Kita buat kerana kita rasa ia adalah tindakan yang betul."

LHAT MUKA 2

'Perkara amat malang'

DARI MUKA 1

Mengenai dakwaan Kanada kononnya tindakan itu diambil kerana pasport Malaysia terdedah kepada penyalahgunaan, Dr Mahathir berkata:

"Jika itu keadaannya, ia sudah tentu wujud sejak sekian lama. Tidak perlu untuk mereka memilih sekarang untuk mendiskriminasi kita."

"Adalah amat malang sekali. Selama ini kita sangka Kanada suka berbaik-baik

kita pun tak kenal mereka."

Sebelum ini, sebagai tindak balas serta-merta, Wisma Putra telah menghantar nota bantahan melalui Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Kuala Lumpur dengan meminta Ottawa mengkaji semula peraturan berkenaan.

Bagaimanapun Kanada menegaskan tidak akan menarik balik keputusan itu dan menolak dakwaan Kuala Lumpur bahawa langkah itu akan mening-

Semalam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, Malaysia akan mengemukakan bantahan terhadap Amerika Syarikat sekiranya negara itu berniat melakukan diskriminasi dengan mengenakan pemeriksaan ketat terhadap rakyat asing yang pernah melawat negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Amerika berhak mengenakan sebarang peraturan imigresen di negara sendiri, tetapi peraturan itu tidaklah ho-